

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera**

YB. Dato' Seri/ YBhg.Dato'/ Tuan/ Puan,

Berikut adalah petikan daripada keputusan hukuman tatatertib yang telah diputuskan oleh **Jawatankuasa Tatatertib Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional FELDA Bil.02/2021 pada 3 Mac 2021.**

2. Pihak YB. Dato' Seri/ YBhg.Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum bahawa hebahan ini penting bertujuan memberi peringatan kepada semua Petugas FELDA, **kepentingan memperkuuhkan integriti daripada melakukan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib** di masa akan datang. Keputusan seperti di bawah:

PERKARA	KEPUTUSAN 1	KEPUTUSAN 2	KEPUTUSAN 3
<b>Bidang Kuasa Jawatankuasa Tatatertib</b>	Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)	Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)	Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)
<b>Gred/Kumpulan Perjawatan</b>	N54	N52	N41
<b>Kesalahan</b>	Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah berjumlah <b>12 hari</b> .	Telah gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya selaku Ketua Jabatan melibatkan perjanjian kontrak yang tidak menyebelahi dan merugikan FELDA. Akibatnya FELDA menghadapi masalah dalam menyelesaikan perjanjian kontrak tersebut dan mendedahkan kepada pelbagai risiko kerugian yang bernilai sekurang-kurangnya RM1 billion.	Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah berjumlah <b>29 hari</b> .
<b>Peraturan</b>	Peraturan 40(f), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).	Peraturan 40(g), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).	Peraturan 40(g), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
<b>Hukuman</b>	<b>Turun Pangkat</b>	<b>Buang Kerja</b>	<b>Buang Kerja</b>
<b>Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat (Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2009)</b>	<b>48 bulan</b>	-	-

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

t.t  
**(MOHAMAD FAUZI BIN HUSIN)TPj**  
Pengarah Jabatan Integriti  
FELDA